

Tiada TPM, 4 menteri kanan dilantik

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Ogos 27, 2021 @ 11:44am
luqman.arif@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (kanan) mengumumkan senarai anggota Jemaah Kabinet baharu di Bangunan Perdana Putra hari ini. Turut sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini mengumumkan Kabinet tanpa jawatan timbalan perdana menteri tetapi mempunyai empat menteri kanan.

Menteri kanan yang diumumkan ialah Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kekal menjawat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dengan timbalannya Datuk Lim Ban Hong.

Menteri Kanan (Pertahanan) pula menyaksikan penampilan Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, yang bertukar dari Kementerian Luar Negeri sebelum ini manakala timbalannya ialah Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz.

Dua lagi jawatan menteri kanan tidak berubah seperti Kabinet lalu iaitu Datuk Dr Radzi Md Jidin dan Datuk Seri Fadillah Yusof, masing-masing menyandang jawatan Menteri Kanan (Pendidikan) serta Menteri Kanan (Kerja Raya).